

Nik Salida
Suhaila
Nik Saleh



Kesaksamaan gender perkasakan wanita

Tidak memahami pengertian punca jadi mangsa penganiayaan, tak dapat keadilan

MENGUBAH sikap dan nilai masyarakat memerlukan masa panjang dan ia tidak menjanjikan transformasi menyeluruh jika tidak disokong seluruh jentera dalam masyarakat.

Namun, kemampuan wanita mengubah arus demi menolak diskriminasi gender bukan saja memperkasakan wanita sekali gus membuktikan golongan ini bukan calang-calang dalam merencana autonomi diserahkan kepada mereka.

Pada peringkat antarabangsa, wanita diseru mengukuhkan sosial dan menolak penganiayaan disebabkan perbezaan gender selaras kehendak Islam kerana kezaliman terhadap manusia tidak dianjurkan agama, apatah lagi kepada wanita atau kanak-kanak.

Wanita di negara kita sudah berani bersuara, menuntut kesaksamaan gender serta menolak diskriminasi di atas paksi undang-undang juga dalam semua keadaan termasuk sikap dan nilai manusia.

Undang-undang akan tertulis di atas kertas jika sikap dan nilai dalam masyarakat tidak membantu memberi kehidupan selamat kepada wanita, walaupun sukuman terhadap pesalah diperincikan, ia hanya memungkinkan 'seorang individu' saja mendapat keadilan, tetapi bukan wanita seluruhnya.

Hampir semua peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia, khususnya Perlembagaan Persekutuan, mengiktiraf kesaksamaan gender dan menolak diskriminasi terhadap wanita.

Melainkan ada beberapa yang perlu dimurnikan supaya konsisten dengan peruntukan undang-undang



WANITA perlu memahami erti kesaksamaan gender sebelum membuat tuntutan dan memperjuangkan hak mereka untuk mendapat keadilan.

dang Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Konvensyen Wanita) tetapi pada masa sama tidak mengetepikan prinsip syariah.

Salah faham maksud 'kesaksamaan' turut menjadikan wanita mangsa diskriminasi. Kesaksamaan tidak bermaksud 'sama status atau sama taraf' semata-mata, tetapi membawa makna status tidak sama namun adil kepada lelaki dan wanita.

Wanita hari ini tidak seperti isteri yang dijual suami di Barat sebelum 1930-an, bukan juga seperti di Jazirah Arab pada era jahiliah

PETIKAN AL-QURAN

“*Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amal orang yang beramal di antara kamu, baik lelaki atau perempuan (kerana) sebahagian kamu adalah keturunan dari sebahagian yang lain*”

Surah Al-Furqan
Ayat 74

yang menjadi objek hinaan serta punca keaiban keluarga.

Manusia lahir dengan hak untuk hidup dan bebas melakukan apa saja asalkan tidak mendatangkan kesusahan kepada orang lain. Tuntutan kesaksamaan boleh dikatakan tidak sepatutnya wujud jika tiada hak yang dinafikan.

Bahkan sejak 15 abad lalu, al-Quran merakamkan nas qat'i yang menyamakan kedudukan antara lelaki dan wanita menjalankan kewajipan insani berbanding Revolusi Perancis di penghujung abad ke-18 yang menyatakan piagam hak

asasi manusia jelas mendiskriminasi wanita.

Firman Allah bermaksud: “*Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amal orang yang beramal di antara kamu, baik lelaki atau perempuan (kerana) sebahagian kamu adalah keturunan dari sebahagian yang lain.*” (Surah Ali 'Imraan, ayat 195)

Cuma wanita memahami dan mampu melaksanakan misi agama saja memahami 'keadilan ketidak-samaan status' dalam hak disebabkan fitrah yang lahir bersama dirinya sebagai wanita.

Perbezaan itu tersurat dalam al-Quran yang tidak boleh dinafikan sesiapa pun. Bukan semua kuasa pemilikan dan kebebasan diberikan kepada kaum lelaki layak kepada wanita dan bukan semua kelebihan dianugerahkan kepada lelaki tidak menguntungkan wanita.

Justeru, wanita perlu memahami erti kesaksamaan sebelum membuat tuntutan. Di Barat, golongan yang tidak memisahkan agama dan akal memahami maksud kesaksamaan sebagai meletakkan sesuatu pada tempatnya.

Tujuannya supaya wanita tidak dibebankan dengan tanggungjawab di luar kemampuan mereka. Kesaksamaan yang mereka cari ialah mendapat keadilan sebagai manusia di anugerah jantina berbeza, bukan sama taraf, kedudukan dan kuasa.

Penulis ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom